

SOALAN NO : 228

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kem pemulihan untuk peserta kumpulan pengganas IS di seluruh Malaysia mengikut lokasi, anggota dan agensi yang terlibat.

SOALAN NO : 228

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua tahanan yang terbabit dengan kegiatan keganasan IS telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA).

Secara keseluruhan, terdapat enam (6) tempat tahanan bagi orang tahanan bersabit keganasan di seluruh Malaysia.

Bagi kesalahan di bawah SOSMA, terdapat tiga (3) tempat tahanan iaitu di Penjara Tapah, Perak, Pusat Koreksional Kamunting, Taiping, Perak dan Penjara Kepayan, Sabah.

Bagi kesalahan di bawah POTA, terdapat tiga (3) tempat tahanan iaitu Tempat Tahanan Khas Simpang Renggam, Johor, Tempat Tahanan Khas Machang, Kelantan dan Tempat Tahanan Khas Kamunting, Perak.

Setakat 15 Jun 2019, seramai 101 orang tahanan bersabit aktiviti keganasan sedang menjalani hukuman di bawah SOSMA dan POTA.

Kesemua tahanan perlu menjalani program deradikalasi yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).